

## LANGKAH-LANGKAH DALAM PEMBANTERASAN KEGIATAN DAN PERDAGANGAN CANDU DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB), 1911-1920

### *ERADICATION MEASURES OF OPIUM ACTIVITIES AND TRADE IN THE FEDERATED MALAY STATES (NNMB), 1911-1920*

Jayakumary Marimuthu\*

Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh,  
Perak, MALAYSIA

#### Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji tentang usaha-usaha pembanterasan kegiatan dan perdagangan candu yang dilaksanakan oleh kerajaan NNMB dari tahun 1911 hingga 1920. Kajian ini dilakukan dengan berfokuskan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), kerana penulisan sebelum adalah menjurus kepada Negeri-negeri Selat (NNS) sahaja. Di NNMB, penularan amalan menghisap candu berleluasa, ekoran daripada kemasukan orang Cina sejak akhir abad ke-18. Amalan menghisap candu mencetuskan kontroversi disebabkan kesan-kesan buruk yang timbul, terutamanya dari segi kesihatan dan kehidupan seharian. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, usaha yang diambil oleh kerajaan NNMB diperincikan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa usaha kerajaan NNMB memberikan kesan positif terhadap pengurangan amalan menghisap candu dalam kalangan penghisap candu. Antaranya ialah pengenalan Dasar Monopoli Kerajaan, Sistem Catuan 1920, kawalan terhadap penjualan dan pembelian candu, pengenalan undang-undang dan penguatkuasaan yang lebih ketat dan bersistematik. Walau bagaimanapun, amalan menghisap candu masih tidak berjaya dihapuskan sepenuhnya dalam tempoh 20 tahun selepas berlakunya perubahan dasar.

**Kata kunci:** Candu, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Monopoli Kerajaan, Amalan Menghisap Candu, Dasar

#### Abstract

*This article aims to study the efforts to eradicate the activities and trade of opium carried out by the FMS government from 1911 to 1920. This study was carried out by focusing on the Federated Malay States, because previous writings were focused on Straits States (SS) only. In FMS, the practice of smoking opium is widespread, following the influx of Chinese since the end of the 18th century. The practice of smoking opium stirred controversy due to the adverse effects that arise, especially in terms of health and daily life. By using a qualitative approach, the efforts taken by the FMS government are detailed. The findings of the study show that the FMS government's efforts have a positive effect on reducing the practice of opium smoking among opium smokers. Among them is the introduction of the Government Monopoly Policy, the 1920 Rationing System, control over the sale and purchase of opium, the introduction of stricter and more systematic laws and enforcement. However, the practice of opium smoking has still not been successfully eradicated within 20 years after the policy changed.*

**Keywords:** Opium, Federated Malay States, Government Monopoly, Opium Smoking Habit, Policy

## Pengenalan

Sejak 1000 S.M. lagi, candu sudah memainkan peranan penting dalam bidang perubatan.<sup>1</sup> Masyarakat dunia, khususnya Yunani, Rom, Parsi dan Mesir menggunakan candu sebagai ubat tidur, ubat bius, rawatan untuk penyakit uterus, mata dan cirit birit.<sup>2</sup> Namun menjelang abad ke-17, satu amalan baharu iaitu penghisapan candu menular dalam segelintir masyarakat dunia. Salah satu masyarakat yang taksub dengan amalan candu ini ialah masyarakat Cina. Di China, amalan menghisap candu dianggap sebagai salah satu budaya bersosial dalam kalangan masyarakat Cina. Bagi masyarakat Cina, memberikan paip candu kepada pelawat yang mengunjungi rumah adalah seakan-akan menawarkan teh.<sup>3</sup>

Kemasukan orang Cina secara besar-besaran ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) sekitar akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 untuk memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor bijih timah,<sup>4</sup> secara tidak langsung turut membawa masuk amalan menghisap candu mereka. Secara tidak langsung, kebanjiran mereka telah meningkatkan keluk permintaan terhadap bekalan candu. Justeru, kesempatan ini digunakan oleh kerajaan British dan kapitalis Cina untuk mengaut keuntungan daripada candu. Hasil yang diperoleh melalui kegiatan dan perdagangan candu, pihak kerajaan dapat menampung kos jentera pentadbiran kerajaan dan projek pembangunan yang dirancang. Bagi kapitalis Cina pula, keuntungan yang dijana melalui penjualan candu digunakan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi dan status mereka.

Sistem Pajakan Hasil Candu diperkenalkan untuk menjana pendapatan melalui kegiatan dan perdagangan candu di NNMB. Di bawah sistem ini, kerajaan British memberikan hak monopoli candu kepada pemodal ataupun konsortium untuk memproses candu mentah kepada masak.<sup>5</sup> Pemajak hasil candu, iaitu penender yang berjaya diberikan pajakan bagi satu-satu kawasan yang dikenali sebagai ladang candu untuk suatu tempoh tertentu (lazimnya tiga tahun).<sup>6</sup> Di NNMB, kerajaan British memperkenalkan dua bentuk ladang candu iaitu ladang candu pesisiran (*coastal chandu farm*) dan ladang candu pedalaman (*inland chandu farm*). Ladang candu pesisiran terletak di kawasan pesisiran kesemua negeri di NNMB. Bagi ladang candu pedalaman pula, kawasannya merangkumi kesemua perimeter kecuali kawasan-kawasan yang termasuk ladang candu pesisiran.

Sehingga awal abad ke-20, kegiatan dan perdagangan candu berjalan dengan lancar, tanpa sebarang masalah. Namun, menjelang tahun 1906, pelbagai pihak, baik di peringkat antarabangsa, mahupun tempatan mula menentang kegiatan dan perdagangan candu. Pengambilan candu sebagai bahan khayal dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan seperti ketidakmampuan badan untuk bertindakbalas, kelesuan, kekurusan, lemah anggota badan, kelebaman pada kelopak mata, hilang selera, masalah mati pucuk dan gangguan mental.

Antara pihak yang mengambil inisiatif awal terhadap pemberantasan amalan menghisap candu ialah masyarakat Cina tempatan. Masyarakat Cina tempatan terpengaruh dengan gerakan anti-candu antarabangsa, khususnya di Britain yang menuntut agar perdagangan dan kegiatan candu dihentikan. Pelopor gerakan anti-candu tempatan memulakan usaha mereka dengan menubuhkan pertubuhan anti-candu seperti Pertubuhan Anti-Candu Selangor dan Pertubuhan Anti-Candu Perak. Akibat tekanan daripada gerakan anti candu tempatan dan masyarakat antarabangsa, kerajaan British mengambil keputusan untuk mengubah polisi candu pada awal 1910-an. Justeru, artikel ini akan mengkaji langkah-langkah

awal yang diambil oleh kerajaan British terhadap kegiatan dan perdagangan candu di NNMB antara tahun 1911 hingga 1920.

### Pengenalan Dasar Monopoli Kerajaan

Langkah pertama yang diambil oleh kerajaan British ialah pengenalan Dasar Monopoli Kerajaan. Perubahan polisi ini menunjukkan kesediaan kerajaan British untuk menghentikan perdagangan candu dan membanteras amalan menghisap candu. Kerajaan British menegaskan bahawa pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan adalah usaha pertama mereka untuk membanteras tabiat mencandu secara berperingkat-peringkat sehingga dihapuskan sepenuhnya pada suatu masa kelak.

Di NNMB, dasar ini diperkenalkan pada tahun 1911, iaitu setahun lewat berbanding Negeri-negeri Selat (NNS). Melalui dasar tersebut, pihak kerajaan mengambil alih kawalan kegiatan candu yang sebelum ini dikuasai oleh golongan pemajak hasil candu, pemodal dan pengusaha lombong bijih timah, bermula daripada proses pengimportan candu mentah sehingga ke penjualan candu masak kepada orang awam. Ini bermakna kerajaan British sendiri mengimport bekalan candu mentah, memprosesnya menjadi candu masak di kilang-kilang pemprosesan candu kerajaan, membuka kedai-kedai penjualan candu dan menjual pada harga yang ditetapkan. Walaupun pada dasarnya, kerajaan British memperkenalkan untuk membendung amalan menghisap candu, namun kelihatan tidak banyak perubahan yang berlaku. Boleh dikatakan di bawah dasar ini, pihak kerajaan mengaut keuntungan yang lebih lumayan, berbanding sewaktu Sistem Pajakan Hasil Candu dijalankan. Dalam tempoh lima tahun terakhir Sistem Pajakan Hasil Candu (1906-1910), kerajaan NNMB memperoleh hasil candu berjumlah \$ 2,495,402 pada tahun 1906; \$ 2,429,180 (1907); \$ 3,082,440 (1908), \$ 3,230,840 (1909) dan \$ 2,489,210 (1910).<sup>7</sup> Secara puratanya, kerajaan NNMB memperoleh hasil candu tahunan sekitar \$ 2,745,414 dalam tempoh yang sama.

Jadual 1 menunjukkan bahawa pada tahun 1911 sahaja, kerajaan NNMB memperoleh hasil candu sebanyak \$ 10,857,533. Jumlah ini hampir lima kali ganda daripada tahun sebelumnya kerana hanya \$ 2,489,210 sahaja dimasukkan ke dalam perbendaharaan kerajaan.<sup>8</sup>

**Jadual 1: Hasil Pendapatan Candu Dan Peratus Hasil Candu Dari Keseluruhan Hasil Pendapatan NNMB, 1911-1920**

Tahun	Hasil Pendapatan Candu (\$)	Peratus Hasil Candu Dalam Pendapatan Kerajaan (%)
1911	10,857,533	30.9
1912	11,488,904	26.9
1913	12,776,005	28.8
1914	10,318,625	27.7
1915	10,628,170	20.1
1916	13,247,128	25.9
1917	12,847,865	19.6
1918	14,860,541	21.7
1919	14,099,854	19.5
1920	13,671,109	18.9

Sumber: Untuk tahun 1911 hingga 1920, FMS Annual Report, Arkib Negara Malaysia.

Kenaikan hasil pendapatan kerajaan NNMB dipengaruhi dengan kenaikan harga borong candu. Harga borong candu baharu ditetapkan bagi pemegang lesen kedai candu.

Langkah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha untuk mengurangkan jumlah pembelian candu oleh pemegang lesen candu. Kadar kenaikan harga borong candu ditunjukkan pada Jadual 2 antara tahun 1911 hingga 1919.

**Jadual 2: Penetapan Kadar Jualan Borong Candu Di NNMB, 1911-1919.**

Tahun/Jenis Candu	Tiga Hun (100)	Empat Hun (60)	Pot Tiga Chi (25)	Setahil
1911	\$ 12.50	\$ 10.05	\$ 31.50	
11 Mei 1912	\$ 15.00		\$ 37.50	5.00
Jan 1913				6.00
Feb 1913	\$ 18.00		\$ 45	
28 April 1916				8.50
Jun 1916				10.50
23 November 1916	30.00		75.00	
28 Oktober 1919				12.00

Sumber: Untuk tahun 1911 dan 1913, Chandu Monopoly Department, Annual Report; tahun 1912, Perak, Annual Report, 1912 dan tahun 1916, FMS, Annual Report, Arkib Negara Malaysia

Pada tahun 1911, harga candu borong bagi pemegang lesen candu ditetapkan untuk sebanyak \$ 12.50 untuk bekalan paket tiga hun tidak kurang daripada 100 paket; \$ 31.50, pot tiga chi untuk tidak kurang daripada 25; \$ 10.05, empat hun tidak kurang daripada 60 dan setahil pot tiga chi tidak kurang daripada 10 pula sebanyak \$ 42.<sup>9</sup> Pihak kerajaan berjaya memperoleh keuntungan hampir \$ 8,368,323 berbanding tahun 1910. Bahkan dalam enam bulan pertama tahun 1911 sahaja, hasil jualan candu telah pun mencatatkan keuntungan lebih tinggi daripada yang dijangkakan oleh pihak kerajaan. Berkenaan dengan kenaikan hasil candu tersebut, R.F.R. Swettenham sendiri pernah menyuarakan bahawa, ...it will be seen that the Revenue derived from the Monopoly system greatly exceeded that derived from import duty on raw Opium.”<sup>10</sup>

Mulai 11 Mei 1912, tanpa sebarang notis awal, harga candu borong terus dinaikkan bagi paket tiga hun tidak kurang daripada 100 kepada \$ 15.00; \$ 37.50, pot tiga chi tidak kurang daripada 25 untuk menyelaraskan harga candu di NNMB dengan di NNS.<sup>11</sup> Melalui kenaikan ini, kerajaan NNMB memperoleh lebihan hasil sebanyak \$ 577,761.78.<sup>12</sup> Pada tahun yang sama, hasil candu berserta dengan hasil duti ke atas timah dan lesen perjudian berjaya menyumbang hampir separuh daripada hasil pendapatan kerajaan NNMB.<sup>13</sup> Pada tahun 1913, harga terus dinaikkan daripada \$ 5.00 setahil kepada \$ 6.00 setahil bermula 1 Januari.<sup>14</sup> Dalam tempoh sebulan sahaja, harga tersebut sekali lagi dinaikkan tanpa sebarang notis awal. Harga baharu yang ditetapkan paket tiga hun tidak kurang daripada 100 ialah \$ 18.00 dan \$ 45 pula untuk pot tiga chi tidak kurang daripada 25.<sup>15</sup> Kenaikan sebanyak dua kali berjaya menaikkan keuntungan hasil candu hampir 56 peratus, walaupun kerajaan NNMB mencatatkan pengurangan kadar import candu hampir \$ 72,000 dalam tahun yang sama.<sup>16</sup> Hasil pendapatan yang sebegini tinggi tersebut amat membantu kerajaan NNMB ketika mengalami masalah kewangan apabila kerajaan Britain terlibat dalam perang bersama Jerman.<sup>17</sup> Selama dua tahun, pengekalan harga jualan borong candu tersebut berubah apabila pada 28 April 1916,

harga tersebut dinaikkan kepada \$ 8.50 untuk setahil candu dan kemudiannya dinaikkan sekali lagi kepada \$ 10.50 pada 27 Jun.<sup>18</sup> Kenaikan dua kali dalam tempoh enam bulan pertama menyebabkan kerajaan NNMB memperolehi lebihan keuntungan sebanyak \$ 2,237,312, berbanding tahun sebelumnya.<sup>19</sup> Pada 23 November 1916, harga paket tiga hun tidak kurang daripada 100 dinaikkan kepada \$ 30.00 dan \$ 75 bagi pot tiga chi tidak kurang daripada 25.<sup>20</sup> Pada empat bulan pertama tahun 1916, ada peningkatan kadar jualan candu kepada pemegang lesen, namun akibat kenaikan harga, jualan candu jatuh sebanyak 137,210 tahil untuk baki lapan bulan.<sup>21</sup> Pada tahun 1917, kerajaan NNMB meraih lebihan keuntungan sebanyak \$ 1,922,110 setelah harga borong candu dinaikkan kepada \$ 10.50 setahil mulai 23 November 1916.<sup>22</sup> Tahun 1919 menyaksikan kenaikan harga jualan candu buat kali terakhir dalam tempoh 1911 hingga 1940. Harga candu dinaikkan kepada \$ 12.00 setahil mulai 28 Oktober 1919.<sup>23</sup> Pada tahun 1919, kadar jualan candu kepada pemegang lesen kedai candu berkurang sebanyak 48,307 tahil di Selangor.<sup>24</sup> Selepas jangka masa tersebut, kerajaan NNMB tidak lagi menaikkan lagi harga jualan candu, sejajar dengan cadangan Jawatankuasa Candu British Malaya.

Berdasarkan perbincangan dan Jadual 1.1 serta Jadual 1.2, dapat disimpulkan akibat pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan, pihak kerajaan memperoleh hasil pendapatan yang tinggi. Secara keseluruhannya, kerajaan NNMB menikmati hasil candu yang tinggi selama 20 tahun yang tidak pernah dirasai semasa Sistem Pajakan Hasil Candu dilaksanakan. Walaupun begitu, sewaktu 1930-an hasil candu merosot, namun hasil tersebut masih dianggap lebih tinggi jika dibandingkan dengan hasil candu sebelum tahun 1911.

### **Kawalan Sepenuhnya Terhadap Kegiatan Candu, 1911-1920**

Untuk membendung amalan menghisap candu, kerajaan NNMB bertindak dengan mengawal sepenuhnya kegiatan dan perdagangan candu. Kuasa monopoli ke atas candu yang selama ini dipegang oleh kapitalis Cina terutamanya golongan pemajak hasil candu, pemodal dan pemilik lombong bijih timah terhapus secara automatik. Di bawah Dasar Monopoli Kerajaan, kerajaan NNMB melaksanakan pengawalan tersebut, bermula daripada proses pengimportan sehingga ke penjualan candu. Namun begitu sehingga tahun 1925, kerajaan NNMB tidak memperolehi kawalan yang sepenuhnya. Hanya selepas pengenalan kedai candu milik kerajaan pada tahun 1926, barulah kawalan kerajaan NNMB menjadi sempurna.

### **Pengimportan Bekalan Candu Dari NNS**

Sebelum tahun 1911, pemajak hasil candu dan pelombong bijih timah membawa masuk candu mentah atas kapasiti sendiri ataupun membelinya daripada pengedar persendirian. Tetapi di bawah Dasar Monopoli Kerajaan, kerajaan NNMB menjalankan urusan pengimportan bekalan candu sepenuhnya. Bekalan candu yang diterima bukanlah dalam bentuk mentah, tetapi sebaliknya telah siap diproses di kilang kerajaan (*Government Factory*) yang terletak di Singapura.<sup>25</sup> Bekalan candu tersebut kemudiannya dihantar secara pukal oleh Jabatan Monopoli Candu Singapura ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk proses pembungkusan candu sebelum dijual. Kuala Lumpur dijadikan pusat pengedaran bekalan candu ke Selangor, Negeri Sembilan dan Ulu Pahang. Bagi Perak pula, bekalan candu dihantar dari Pulau Pinang. Ketidakseragaman pengedaran bekalan candu bagi keempat-empat negeri menimbulkan kesulitan buat kerajaan NNMB. Mulai tahun 1915, segala urusan bekalan candu di Perak diseragamkan dengan ketiga-tiga negeri yang lain.<sup>26</sup>

**Jadual 3: Jumlah Candu Diimport (Tahil) Beserta Nilai (\$) Ke NNMB, 1911-1920**

Tahun	Jumlah Candu (Tahil)	Nilai Candu Diimport (\$)
1911*	1,162,200	1,452,252
1912*	1,230,000	1,391,850
1913*	1,020,000	983,700
1914	1,410,000	1,487,100
1915	1,847,110	1,817,581
1916	1,870,110	1,936,685
1917	1,470,000	1,641,900
1918	1,845,541	2,458,220
1919	2,832,043	1,833,463
1920	1,561,379	4,661,915

Sumber: Untuk tahun 1911 hingga 1914, Annual Report of Chandu Monopoly Department; tahun 1915 hingga 1920, FMS, Annual Report.

\* Statistik dan nilai candu import diberikan untuk Selangor, Negeri Sembilan dan Ulu Pahang.

Jadual 3 menunjukkan jumlah candu yang diimport masuk ke NNMB dari tahun 1911 hingga 1920. Dari tahun 1911 hingga 1913, purata candu sebanyak 1,137,400 tahil candu dimport untuk Selangor, Negeri Sembilan dan Ulu Pahang yang menelan kos sebanyak \$3,827,802. Mulai tahun 1914 hingga 1920, purata candu tahunan bagi keseluruhan NNMB adalah sebanyak 1,833,724 tahil. Kerajaan NNMB membelanjakan purata \$ 2,262,409 setahun untuk pembelian candu dalam tempoh tersebut. Daripada statistik tersebut, dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan masih mengimpor candu dalam kuantiti yang tinggi kerana tidak ada sebarang had yang ditetapkan untuk menyekat pengimportan candu.

**Kawalan terhadap Penjualan Candu**

Dengan pengenalan Dasar Monopoli Kerajaan, Sistem Pajakan Hasil Candu dihapuskan sepenuhnya di NNMB. Bagi menggantikan dasar lama tersebut, satu mekanisme baru diperkenalkan, termasuklah sistem perlesenan yang baharu. Sistem perlesenan tersebut diperkenalkan untuk membantu kerajaan mengawal dan mengawasi keseluruhan operasi penjualan candu. Namun demikian, kerajaan NNMB masih menggunakan sistem pelesenan yang pernah digunakan sewaktu Sistem Pajakan Hasil Candu, tetapi dengan beberapa pengubahsuaian. Menerusi sistem baharu ini, dua bentuk lesen dikeluarkan, iaitu Lesen Kedai Jualan Runcit (*Off Licence*) dan Lesen Gabungan Kedai Menghisap Candu Awam dan Jualan Runcit (*On-Off Licence*). Melalui kedai jualan runcit, bekalan candu dijual secara runcit kepada penghisap candu. Bagi gabungan kedai menghisap candu awam dan jualan runcit pula, bekalan candu yang dibeli boleh dihisap di premis yang sama, memandangkan kemudahan tempat menghisap candu disediakan. Kerajaan NNMB menetapkan jumlah lesen yang dikeluarkan dari masa ke masa bagi mengawal penjualan candu yang berlebihan.

Kerajaan NNMB juga memperketatkan syarat pemerolehan kedua-dua lesen tersebut. Sesiapa yang berminat untuk menjalankan urusniaga candu perlulah memohon lesen daripada pihak kerajaan. Bagi mendapatkan lesen tersebut, pemohon perlu memohon kepada Pengguna Monopoli Candu. Di bawah Seksyen 10, Pengguna Monopoli Candu diberikan kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada individu yang dibenarkan oleh Residen. Lesen tersebut mengandungi butiran seperti nama pemegang lesen, tarikh lesen tamat, keadaan premis, tempoh masa kedai candu dibuka dan jumlah penghisap candu yang dibenarkan pada satu-satu masa. Proses penjualan candu adalah bersifat urusan penjualan secara borong kepada pemegang lesen kedai candu. Di samping itu, Pengguna Monopoli Candu juga diberikan kuasa untuk menetapkan bentuk borang permohonan lesen yang dikehendaki dari masa ke semasa. Setiap lesen tertakluk pada syarat yang ditetapkan di bawah enakmen dan sebarang syarat tambahan yang dikenakan oleh Pengguna Monopoli Candu. Antara peraturan yang ditetapkan bagi pemerolehan lesen tersebut ialah;

- (i) Setiap lesen tamat pada 30 Jun atau 31 Disember selepas lesen tersebut dikeluarkan;
- (ii) Lesen boleh ditamatkan pada bila-bila masa sahaja oleh Pengguna Monopoli Candu, dengan kelulusan Residen dan;
- (iii) Lesen tidak boleh ditukarmilik kecuali dengan kebenaran Residen.

Pemegang lesen candu dikehendaki untuk memaparkan lesen berserta dengan gambar mereka untuk memudahkan Pengguna Monopoli Candu dan para pegawai lain mengenalpasti pemilik premis ketika pemeriksaan dibuat.<sup>27</sup> Di bawah Seksyen 12, setiap pemegang lesen candu diwajibkan mempunyai buku akaun yang mengandungi butiran pembelian dan penjualan candu kerajaan serta jumlah candu *dross* yang berada dalam simpanan mereka setiap hari. Pemegang lesen candu juga perlu menyerahkan butiran pulangan tersebut, sekiranya diminta oleh Pengguna Monopoli Candu.

### **Kawalan Ke Atas Penghisap Candu**

Untuk mengekang amalan menghisap candu, kerajaan NNMB turut memfokuskan strategi mereka terhadap golongan penghisap candu. Melalui undang-undang baharu, hanya lelaki Cina yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dibenarkan untuk membeli candu. Candu yang dibeli pula haruslah candu yang diproses oleh Jabatan Monopoli Candu. Candu ini dikenali sebagai candu kerajaan. Pada tahun 1916, had umur penghisap candu diperketatkan lagi kepada 21 tahun. Bukan itu sahaja, penghisap candu juga hanya dibenarkan untuk memiliki sejumlah kuantiti candu dan candu *dross* yang terhasil daripada candu kerajaan.<sup>28</sup> Sebelum Dasar Monopoli Kerajaan diperkenalkan, tidak ada sebarang sekatan ke atas mana-mana individu yang mahu membeli dan menghisap candu. Tetapi di bawah dasar baharu ini, pembelian candu diperketatkan bagi kaum-kaum lain. Pengecualian hanya dibuat bagi individu daripada kaum lain yang mempunyai permit khas untuk membeli bekalan candu.<sup>29</sup>

### **Pengenalan Harga Jualan Baharu**

Satu lagi cara kerajaan NNMB cuba mengekang amalan menghisap candu adalah melalui penetapan harga jualan candu bagi orang awam seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.

Antara tahun 1911 dan 1919, kerajaan NNMB menaikkan harga jualan sebanyak lima kali ganda. Buat kali pertama, kerajaan NNMB menaikkan harga jualan candu pada 11 Mei 1912. Tindakan ini dibuat selepas berlakunya peningkatan jualan candu sebanyak 89,570 tahil sehingga 30 April 1912, akibat daripada pertambahan populasi Cina di NNMB.<sup>30</sup> Sejak daripada itu, kerajaan NNMB menguatkuaskan harga jualan candu baharu dari masa ke masa.

**Jadual 4: Harga Yang Ditetapkan Untuk Orang Awam, 1911-1919**

<b>Tahun</b>	<b>Harga Jualan Candu Untuk Orang Awam</b>		
	<b>Paket Tiga Hun</b>	<b>Pot Tiga Chi</b>	<b>Setahil</b>
1911	13 ½ cents	\$ 1.35	\$ 4.50
11 Mei 1912	16 ½ cents	\$ 1.65	\$ 5.50
22 Februari 1913	20 cents	\$ 1.95	\$ 6.50
29 April 1916	26 cents	\$ 2.55	-
23 November 1916	33 cents	\$ 3.25	-
28 Oktober 1919	40 cents	\$ 3.90	-

Sumber: Annual Report on Chandu Monopoly Department, 1911-1919.

Ini bermakna kenaikan harga tersebut membawa kesan positif dalam mengurangkan pembelian candu dalam kalangan penghisap candu.<sup>31</sup> Bukan itu sahaja, ia turut mempengaruhi jumlah penghisap candu di NNMB. Pada Jadual 5, ditunjukkan bahawa bilangan penghisap candu di Selangor, Negeri Sembilan dan Ulu Pahang sebanyak 10,670 orang pada separuh pertama tahun 1912 telah merosot kepada 6,383 orang pada separuh kedua. Ini menunjukkan berlakunya pengurangan hampir 40 peratus pada tahun tersebut sahaja.

**Jadual 5: Jumlah Penghisap Candu Di Selangor, Negeri Sembilan dan Ulu Pahang pada Separuh Pertama dan Kedua Tahun 1912.**

<b>Tempoh/Negeri</b>	<b>Selangor</b>	<b>Negeri Sembilan</b>	<b>Ulu Pahang</b>	<b>Jumlah</b>
Separuh Pertama	5,018	5,098	554	10,670
Separuh Kedua	4,883	1,001	499	6,383

Sumber: Fail Selangor Secretariat, 1826/1913, Annual Report on Chandu Monopoly Department for 1912, hlm.6.

Pada tahun 1913, harga candu dinaikkan lagi bagi sepaket tiga hun sebanyak 20 cents, pot tiga chi sebanyak \$ 1.65 dan setahil candu pula \$ 6.50 dan hasil jualan candu pula menunjukkan peningkatan sebanyak 966,664 tahil candu. Namun ini tidak bermakna bahawa jumlah pengambilan candu di NNMB meningkat, tetapi sebaliknya peningkatan tersebut berlaku kerana negeri Perak dimasukkan ke dalam jurisdiksi pengurusan Jabatan Monopoli Candu Kuala Lumpur mulai tahun 1913. Tidak lama selepas kenaikan harga tersebut, kerajaan NNMB membuat keputusan untuk tidak menaikkan lagi harga jualan candu.

Namun begitu, masih ada segelintir pihak mendesak agar harga jualan candu terus dinaikkan. Seorang ahli tidak rasmi, Eu Tong Seng mendesak kerajaan NNMB untuk terus menaikkan harga jualan candu bagi menyekat kadar pengambilan candu. Dalam persidangan Majlis Persekutuan yang berlangsung pada 26 November, beliau menyatakan;

“The Federated Malay States are fast making a good in China, which is inducting more coolies to come to the States. Now I hope the Government will take steps to abolish opium smoking. If the Chinese save millions of dollars spent on opium they will become even more and prosperous. The best way to carry that out would be to increase the price of opium every six months until the price is raised to prohibitive point.”<sup>32</sup>

Walaupun begitu, tidak ada tindak balas positif daripada mana-mana ahli majlis terhadap cadangan beliau. Selama dua tahun, harga jualan candu tersebut dikekalkan. Pada tahun 1914, kadar jualan candu sebanyak 1,719,918 meningkat semula sebanyak 6,507 tahil pada tahun 1915 menyebabkan kerajaan NNMB melaksanakan kadar harga baharu pada tahun 1916. Bukan sekali tetapi sebanyak dua kali kerajaan NNMB menaikkan kadar jualan candu iaitu pada 29 April dan 23 November.<sup>33</sup> Kenaikan harga jualan candu tersebut memberikan kesan besar ke atas kadar pembelian candu. Di Negri Sembilan misalnya, purata jualan candu bagi bulan Januari hingga April berjumlah 22,641 tahil dan selepas itu kadar tersebut menurun kepada purata 20,303 tahil sehingga November. Pada bulan Disember, hanya 16,084 tahil jualan candu sahaja dicatatkan.<sup>34</sup> Bahang kenaikan harga pada tahun sebelumnya turut memberikan kesan pada tahun 1917 apabila jualan candu menurun hampir 16 peratus. Kadar baharu ditetapkan, iaitu dari \$ 3.25 kepada \$ 3.95 bagi satu *pot* tiga chi, manakala untuk sepaket tiga hun pula dari 33 *cents* kepada 40 *cents* mulai 28 Oktober 1919<sup>35</sup> apabila jumlah pembelian candu meningkat semula pada tahun 1918. Disebabkan harga jualan candu yang makin meningkat, kadar jualan candu merosot hampir 991,079 tahil untuk dua tahun berturut-turut.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kadar jualan candu dalam tempoh 1911 hingga 1920 menunjukkan pengurangan yang memberangsangkan. Pengurangan ini juga menggambarkan kadar pengambilan candu dalam kalangan penghisap candu turut jatuh. Bukan itu sahaja, pengurangan pengambilan candu dalam kalangan penghisap candu juga dapat dilihat dengan kadar pengambilan candu mengikut gram bagi setiap orang. Dalam tempoh 10 tahun berturut-turut, kadar pengambilan candu bagi setiap orang mengikut jumlah gram di NNMB telah berkurangan di mana pada tahun 1911, pengambilan sebanyak 295gram telah jatuh kepada 128gram pada tahun 1921.

### **Penguatkuasaan Undang-undang Yang Lebih Ketat**

Sejajar dengan perubahan polisi, maka kerajaan NNMB memperkenalkan undang-undang baharu yang lebih sistematik. Setelah dipersetujui oleh raja-raja Melayu, *Enactment No. 14 of 1910, An Enactment to prohibit the importation of Opium and to vest in the Government the sole right of import and dealing in Chandu'* diluluskan pada 3 November 1910. Dirujuk sebagai '*The Opium and Chandu Enactment, 1910*', penguatkuasaan undang-undang tersebut membawa perubahan besar ke atas kegiatan candu. Di bawah enakmen ini, skop perundangan ke atas candu menjadi lebih luas dan terkawal bermula dari sekatan terhadap tabiat menghisap candu dalam kalangan penghisap candu sehinggalah kepada usaha menangani masalah penyeludupan candu yang semakin berleluasa.

Sebelum ini, undang-undang berkaitan candu di bawah Sistem Pajakan Hasil Candu adalah agak terbatas. Bahkan undang-undang tersebut lebih bersifat menjaga kepentingan

hasil pendapatan kerajaan, khasnya dalam penetapan kadar sewaan pajakan dan bayaran lesen kedai candu serta untuk menangani masalah penyeludupan candu di NNMB.

Melalui pelaksanaan ‘*The Opium and Chandu Enactment, 1910*’, kerajaan NNMB memperkenalkan beberapa larangan baharu, seperti mana yang termaktub dalam Seksyen 3, 4, 7 dan 14 iaitu;

- a) Seksyen 3: Larangan Untuk Mengimport Candu Mentah.  
Di bawah enakmen ini, tidak ada mana-mana pihak, kecuali yang dispesifikan dalam Seksyen 24<sup>36</sup> dibenarkan untuk mengimport ataupun memiliki candu mentah dalam negeri<sup>37</sup>;
- b) Seksyen 4: Larangan Untuk Mengimport Candu.  
Di bawah enakmen ini, dengan tertakluk kepada kekecualian yang disebut dalam Seksyen 24, tidak ada mana-mana pihak yang dibenarkan untuk mengimport atau memiliki candu, selain daripada candu kerajaan dalam negeri. Namun ia bukan satu kesalahan untuk membawa atau memiliki candu kerajaan yang dibeli secara sah dari negeri lain.<sup>38</sup>
- c) Seksyen 7: Larangan Ke Atas Bukan Pemegang Lesen Candu
  - (i) Di bawah enakmen ini, tidak ada mana-mana pihak, selain daripada pemegang lesen candu dibenarkan untuk menjual atau menawar untuk menjual sebahagian candu kerajaan; membuka atau memiliki sebarang tempat ataupun kedai di mana kemudahan khas disediakan untuk penghisapan candu, dengan balasan mendapat sebarang bayaran dalam bentuk wang ataupun lain-lain.<sup>39</sup>
- d) Seksyen 14: Larangan Penghisapan Candu Di Tempat Awam
  - (i) Tidak dibenarkan untuk menghisap candu di kedai makanan, rumah tumpangan, pawagam atau tempat awam yang lain, serta di mana-mana kelab, rumah pelacuran, depot beca (*jinrikisha*) berlesen, selain kedai candu berlesen. Pihak yang menguruskan ke atas tempat-tempat yang disebut dilarang untuk membenarkan aktiviti penghisapan candu dilakukan.<sup>40</sup>

Melalui penggubalan seksyen-seksyen ini, pihak kerajaan telah menyatakan pendirian mereka dengan jelas terhadap pengekangan amalan menghisap candu.

### Larangan Khas Ke Atas Pemegang Lesen Candu

Disebabkan pemegang lesen candu mempunyai hubungan secara langsung dengan penghisap candu, maka pemegang lesen candu dilihat sebagai elemen penting yang mampu menggugat usaha pembanterasan amalan menghisap candu. Justeru, kerajaan NNMB turut menetapkan beberapa larangan khas terhadap pemegang lesen candu. Antara larangan-larangan tersebut ialah;

- a) Menjual, menawar atau memiliki candu, selain daripada candu yang berbalut dan bercap atau bungkusan candu yang dibekalkan oleh Pengguna Monopoli Candu;
- b) Menjual, menawar untuk menjual atau memiliki candu, sama ada dicampur dengan bahan lain ataupun tidak;
- c) Menjual, menawar atau membekalkan bungkusan candu yang tidak mempunyai cap kerajaan kepada mana-mana pihak;
- d) Menjual, menawar untuk menjual pada harga, selain daripada harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri atau daerah;
- e) Menjual atau membekalkan candu kepada mana-mana wanita ataupun pihak yang berumur bawah 18 tahun;
- f) Menjual atau membekalkan candu atas kredit ataupun melalui terma bayaran lain, selain daripada wang tunai dan;
- g) Bertindak bertentangan dengan peruntukan di bawah Seksyen 10 atau sebarang undang-undang lain yang digubal di bawah enakmen ini.<sup>41</sup>

Malahan, kerajaan NNMB juga melaksanakan pengenaan penalti berat ke atas sesiapa sahaja yang tidak mematuhi larangan di bawah *The Opium and Chandu Enactment, 1910*' dalam usaha mengekang amalan menghisap candu. Bagi sesiapa sahaja yang bertindak bertentangan dengan Seksyen 3 dan 4, penalti berat di bawah Seksyen 5 dikenakan. Di bawah 5 (i), mana-mana pihak yang mengimport atau mempunyai pemilikan sebarang candu, jika disabitkan dengan kesalahan akan dikenakan denda tidak lebih daripada \$ 1,000 atau 10 kali ganda nilai candu mentah atau candu masak bagi kesalahan kali pertama. Sekiranya, jumlah candu atau candu mentah lebih besar ditemukan, hukuman penjara tidak lebih daripada tiga bulan ataupun kedua-duanya sekali dikenakan. Bagi setiap kesalahan seterusnya, denda tidak lebih daripada \$ 5,000 dikenakan. Sekiranya, jumlah candu mentah dan candu masak yang lebih besar ditemukan, dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan ataupun kedua-duanya sekali dan kesemua candu tersebut dirampas. Bagi pihak yang bersabahat dengan pihak di bawah sub seksyen (i) boleh disabitkan dengan kesalahan sama seperti pelaku pertama dan dikenakan penalti yang sama di bawah 5 (ii).

Bagi Seksyen 7, penalti khas di bawah 7 (ii) iaitu mana-mana pihak yang melanggar peruntukan 7 (i), sekiranya disabitkan dengan kesalahan, boleh didenda tidak lebih daripada \$500. Kesemua candu, paip candu, lampu, peralatan memproses dan pembungkusan candu turut dirampas. Di bawah Seksyen 8 pula, diperincikan kesalahan yang dilakukan oleh penghisap candu. Penalti dikenakan ke atas pembelian candu atau candu *dross*, selain daripada kedai candu berlesen ataupun di luar premis berlesen. Jika disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$ 500. Di bawah Seksyen 9, memandangkan candu *dross* tidak boleh dijual kepada orang lain kecuali Pengguna Monopoli Candu, maka mana-mana pihak yang menjual atau menawar untuk menjual sebarang candu *dross*; mengubah candu *dross* melalui proses pemanasan buatan dengan tujuan untuk penghisapan semula, jika disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada \$ 250. Bagi pemegang lesen candu yang melanggar larangan (a-g) pula boleh disabitkan dan didenda tidak lebih daripada \$ 250 di bawah Seksyen 11. Di bawah Seksyen 19, kesalahan memalsukan kenyataan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, sama ada ditandatangani olehnya atau tidak jika disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada \$ 1,000.<sup>42</sup>

Dalam pada itu, kerajaan NNMB sudahpun menjangkakan lebih awal lagi bahawa pasti masalah baharu timbul setelah bawah Dasar Monopoli Kerajaan diperkenalkan, berikutan pemprosesan dan penjualan candu dikawal oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan memperkenalkan beberapa seksyen baharu berserta dengan penalti yang termaktub dalam Seksyen 6 (i). Mana-mana pihak yang mencampurkan bahan lain dengan candu atau candu kerajaan untuk menunjukkan bahawa ia adalah candu kerajaan ataupun yang dibekalkan oleh Pengguna Monopoli Candu; memalsukan sebarang tanda digunakan oleh Pengguna Monopoli Candu bagi menunjukkan candu tersebut adalah candu kerajaan ataupun yang dibekalkan oleh Pengguna Monopoli Candu; menggunakan tanda palsu sebagai tanda sah dengan niat; menggunakan atau memiliki peralatan khas bertujuan untuk memalsukan tanda kerajaan; bersabahat dalam melakukan kesalahan-kesalahan ini, sekiranya disabitkan dengan kesalahaan mereka boleh didenda tidak lebih daripada \$ 5,000 ataupun hukuman penjara tidak lebih dari tempoh 12 bulan ataupun kedua-duanya sekali.

Di bawah Seksyen 20, iaitu Penalti Am, mana-mana individu yang bertindak bertentangan dengan mana-mana peruntukan enakmen atau undang-undang di bawahnya yang tidak disebut akan penalti khususnya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada \$ 100. Sekiranya kesalahan tersebut yang masih dilakukan, denda tidak lebih \$ 10 dikenakan bagi setiap hari kesalahan tersebut dilakukan.

### **Pindaan Ke Atas *Opium and Chandu Enactment***

Dari masa ke semasa, kerajaan NNMB membuat pindaan ke atas *Opium and Chandu Enactment* dalam mengukuhkan Dasar Monopoli Kerajaan. Dari tahun 1911 sehingga tahun 1920 sahaja, sebanyak 4 pindaan dibuat terhadap *Opium and Chandu Enactment*, iaitu *No.12 of 1912 (Amendment)*, *No.9 of 1916 (Amendment)*, *No.15 of 1917 (Amendment)* dan *No.28 of 1919 (Amendment)*. Sebahagian besar pindaan yang dibuat mencakupi polisi baharu ke atas candu, pengorganisasian semula Jabatan Monopoli Candu, perluasan kuasa kepada jabatan lain, pengurangan jumlah pemilikan candu, penalti dan lain-lain yang berkaitan dengan candu. Di bawah '*No. 9 of 1916 (Amendment)*', penjualan candu diperketatkan kepada lelaki Cina berumur 21 tahun ke atas, pemilikan candu *dross* tidak lebih daripada 3 tahil dan melarang individu bukan pemegang lesen candu daripada memiliki candu lebih daripada  $7 \frac{1}{2}$  tahil.<sup>43</sup>

Di bawah Dasar Monopoli Kerajaan, penggubalan sistem perundangan ke atas candu menjadi lebih fleksibel dan terbuka. Kerajaan NNMB nampaknya lebih bersedia untuk meminda undang-undang yang sedia ada ataupun mewartakan undang-undang baharu ke atas candu dalam memenuhi tuntutan antarabangsa bagi menyekat penularan tabiat mencandu. Seiring dengan perjanjian yang ditandatangani pada 28 Januari 1912 sewaktu Konvensyen Candu (*Opium Convention*) di Hague, kerajaan NNMB mewartakan *No. 15 of 1925 (Amendment)* untuk menjayakan keputusan yang diambil di peringkat antarabangsa dalam menangani masalah candu dengan memasukkan klausa '*corresponding law*' bagi tujuan menghalang penyeludupan.<sup>44</sup> Kerajaan NNMB bersetuju untuk melaksanakan beberapa usaha untuk ke arah tersebut dengan mencakupi penyediaan, penjualan, pengambilan, pengeksportan dan pengimportan candu yang lebih ketat.

## Pemberian Kuasa Khas Kepada Pegawai Kerajaan

Bagi mengukuhkan lagi sistem penguatkuasaan, kerajaan NNMB turut bertindak memberikan kuasa khas kepada pegawai kerajaan di bawah Seksyen 15. Kuasa khas tersebut diberikan kepada Penguin Monopoli Candu, Ketua Pegawai Kastam di setiap daerah serta mana-mana pegawai candu atau pegawai kastam yang dibenarkan secara bertulis. Kuasa khas tersebut merangkumi;

- (i) Memasuki mana-mana premis yang dipercayai atas bukti kukuh menyimpan candu mentah dan candu yang bertentangan dengan enakmen. Pihak yang disabitkan dengan kesalahan tersebut boleh ditahan serta-merta;
- (ii) Mengiringi mana-mana pihak yang disyaki mempunyai candu atas bukti kukuh ke balai polis berdekatan atau tempat lain yang ditetapkan oleh residen, dengan syarat bagi wanita, pemeriksaan badan hanya boleh dilakukan oleh pegawai wanita sahaja. Bagi pihak yang enggan, mereka boleh ditangkap dan disabitkan dengan kesalahan. Candu mentah atau candu yang dipercayai diimport bertentangan dengan peruntukan di bawah enakmen, sekiranya ditemukan, pihak berkenaan boleh ditahan dan dibawa ke pejabat Penguin Monopoli Candu untuk pemeriksaan lanjutan;
- (iii) Pegawai candu, pegawai kastam atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran akan mana-mana pihak jika didapati sama ada melakukan atau cuba melakukan kesalahan; menggaji atau membawa pekerja untuk melakukan kesalahan di bawah peruntukan enakmen dan merampas sebarang artikel di tempat kesalahan tersebut dilakukan.<sup>45</sup>

Di samping itu, bagi soal pemeriksaan dan pengawasan ke atas kedai candu, kuasa khas diberikan secara luas kepada pegawai kerajaan. Di bawah Seksyen 13, Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam (*Trade and Customs*), Setiausaha Hal Ehwal Orang Cina, Pegawai Pelindung Cina, Penguin Monopoli Candu, pegawai kerajaan dalam pentadbiran daerah, pegawai candu dan polis berpangkat sarjan dan ke atas diberikan kuasa untuk memasuki dan memeriksa sebarang premis berlesen pada setiap masa serta meneliti buku akaun dan stok candu dan candu *dross*.

Bukan itu sahaja, majistret juga diberikan kuasa khas di bawah Seksyen 21. Pihak majistret di Mahkamah Majistret Kelas Pertama diberikan kuasa untuk menjatuhkan sebarang penalti di bawah enakmen tersebut. Majistret juga mempunyai kuasa untuk menggantikan bayaran denda di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 6 dengan hukuman penjara. Di bawah Seksyen 16, mana-mana majistret boleh mengeluarkan waran kepada pegawai polis berpangkat koperal dan ke atas, pegawai candu atau pegawai kastam dan memberikan kebenaran kepada mereka untuk memasuki dan memeriksa mana-mana premis dalam jurisdiksi mahkamah majistret. Dalam pada itu, sekiranya disahkan mana-mana artikel bertentangan dengan peruntukan enakmen ditemukan dalam premis sewaktu pemeriksaan, maka artikel tersebut boleh dirampas dan pihak berkenaan ditahan. Dalam kes menghalang

tugas pegawai, pegawai kerajaan dibenarkan untuk membuka pintu premis; memasuki dari mana-mana bahagian premis walaupun dengan paksaan jika perlu; mengeluarkan sebarang halangan yang diletakkan; mencari dan merampas serta menahan mana-mana pihak yang ditemui dalam premis sehingga pemeriksaan di premis tamat sepenuhya.

### Sistem Catuan Candu 1920

Selain daripada menaikkan harga jualan candu bagi orang awam, pihak kerajaan turut melaksanakan beberapa usaha lain untuk membendung amalan mencandu seperti sistem pencatuan. Bermula pada 1 Februari 1920, kerajaan NNMB melancarkan satu skim baharu bagi menghadkan pengambilan candu oleh penghisap candu. Melalui sistem ini, kadar candu yang dibekalkan kepada kepada pemilik kedai candu berlesen dihadkan kepada 90 peratus sahaja, berbanding purata candu yang diperolehi oleh mereka sebelum ini.<sup>46</sup> Sistem catuan candu tersebut telahpun dilaksanakan di NNS sebulan lebih awal. Walaupun begitu, sistem tersebut hanya dimulakan di Selangor dan Negeri Sembilan pada 1 September 1920 dan Ulu Pahang pada 1 Oktober 1920. Negeri Perak tidak lagi disertakan dengan skim tersebut kerana pada waktu yang sama, negeri Perak terlibat dengan rancangan kedai jualan candu kerajaan. Namun begitu, Skim Catuan Candu 1920 tidak kekal lama kerana sistem tersebut didapati tidak membawa sebarang perubahan positif ke atas pemberantasan amalan menghisap candu, dan sebaliknya hanya memberi keuntungan yang lebih tinggi kepada pemegang lesen kedai candu.<sup>47</sup>

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perubahan dasar kerajaan Britain terhadap amalan menghisap candu, mendorong kerajaan NNMB mengambil beberapa usaha untuk mengekang amalan tersebut, terutamanya dalam kalangan kaum Cina. Pengenalan Dasar Monopoli Kerajaan berjaya memberikan kawalan sepenuhnya kepada kerajaan NNMB untuk mengawal kegiatan candu. Kuasa monopoli kegiatan candu tidak lagi dipegang oleh kapitalis Cina. Dasar Monopoli Kerajaan dapat dikatakan sebagai usaha terbaik yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang membawa kesan positif terhadap kegiatan candu amnya. Dari segi perundangan pula, banyak polisi diperkenalkan seperti pengenalan penalti baharu, larangan kepada penjual dan penghisap candu, pemberian kuasa kepada penguatkuasa dan sebagainya. Bagi memastikan usaha membanteras amalan menghisap berterusan, enakmen khas untuk candu dipinda dari masa ke masa. Dalam masa yang sama, ada juga usaha kerajaan yang tidak membawa sebarang kejayaan seperti Sistem Catuan Candu 1920, yang akhirnya terpaksa dibatalkan.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, terutamanya Bahagian Tajaan Pendidikan kerana telah memberikan peluang dalam menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, Perak dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

---

## Biodata

\*Dr. Jayakumary a/p Marimuthu ([jeyamarimuthu75@gmail.com](mailto:jeyamarimuthu75@gmail.com)) merupakan Pensyarah akademik di Unit Sejarah, Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh (IPGMKI), Perak. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (2008), Ijazah Sarjana Sastera (2010) dan Doktor Falsafah (2019) dalam bidang Sejarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang kajian beliau bertumpu pada Sejarah Malaysia, khususnya kegiatan dan perdagangan candu.

Received: 15 May 2024

Reviewed: 29 May 2024

Accepted: 17 November 2024

## Nota

<sup>1</sup> Penggunaan candu terawal dipercayai telah bermula semasa peradaban Sumeria pada tahun 4000 S.M. apabila oleh pakar arkeologi Universiti Pennsylvania menemukan prasasti yang daripada tanah liat putih di Nippur yang mengesahkannya. Ditulis dalam tulisan pepaku (*cuneiform*), masyarakat Sumeria menyebut tentang candu buat kali pertama dalam sejarah dunia. Dalam tulisan tersebut, mereka menggelar candu sebagai '*hul gil*' (*joy plant*) dan menyatakan bahawa pengutipan lateks candu dilakukan pada waktu pagi. Kira-kira tahun 3400 S.M., masyarakat Sumeria mengembangkan penanaman candu kepada masyarakat Assyria. Pada prasasti perubatan Assyria, candu disebut sebagai '*arat pa pa*'. Kemudiannya pengetahuan tentang penanaman candu diturunkan kepada masyarakat Mesir. Sekitar tahun 1300 S.M., orang Mesir menanamnya di bandar Thebes dan menggelarnya sebagai '*opium thebaicum*'. Sewaktu era pemerintahan Thutmose V, Akhenaton dan Raja Tutankhamun, penanaman candu sudahpun berkembang pesat. Menjelang abad ke-7 Masihi, Mesir telah mengeksportnya bukan sahaja ke Eropah, tetapi juga ke India. Peter Lee, *Opium Culture: The Art and Ritual of the Chinese Tradition*, Vermont: Park Street Press, 2006, hlm.218.

<sup>2</sup> Untuk keterangan lanjut tentang fungsi candu dalam bidang perubatan, rujuk L.D. Kapoor, *Opium Poppy: Botany, Chemistry and Pharmacology*, The Haworth Press: New York, 1995. Juga lihat Opium Poppy Cultivation and Heroin Processing in Southeast Asia, U.S.: Department of Justice, Drug Enforcement Administration, September 1992.

<sup>3</sup> Ong Teck Hong, R.E. Isralowitz, *Substance Use in Singapore: Illegal Drugs, Inhalants and Alcohol*, Singapore: Toppan Company, 1996, hlm.41.

<sup>4</sup> Majoriti orang Cina dibawa masuk dari tiga wilayah di selatan China, Kwantung, Kwangxi dan Fukien. Kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu dipengaruhi dengan suasana sosiopolitik yang sedia wujud di China. C.W. Harrison, seorang pegawai kerajaan British, menjelaskan punca utama kedatangan orang Cina adalah untuk satu tujuan sahaja, iaitu untuk mendapatkan kekayaan. Menurut beliau, walaupun tinggal dengan ratusan orang Cina lain dalam sebuah berek yang sama, seorang buruh Cina mampu memperoleh \$ 10 sebulan. Padahal, di negara leluhur, mereka dianggap bertuah, sekiranya mereka mampu mendapat \$ 2 sebulan. C.W. Harrison, *An Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London: 1910, ms. 193-194. Tai Yuen pula dalam bukunya, *Chinese Capitalism in Colonial Malaya, 1900-1941*, menyatakan ketika Barat memperluaskan kuasanya di Asia Tenggara, berlaku kadar peningkatan kadar populasi di China. Dianggarkan pada tahun 1787, jumlah penduduk 300 juta meningkat sehingga 420 juta pada tahun 1840. Peningkatan ini menyebabkan berlakunya pengurangan purata saiz tanah pertanian yang sedia ada kerana tanah terpaksa dibahagi antara waris. Dalam tempoh 1661 hingga 1812, purata saiz pertanian jatuh daripada 7.11 mu kepada 0.9 mu. Pemilikan tanah yang semakin mengecil menyebabkan mereka tidak mampu untuk bertani dan kehidupan semakin melarat. Maka orang Cina terpaksa berhijrah ke tempat-tempat lain, terutama di kawasan jajahan orang Barat kerana peluang pekerjaan yang terbuka luas. William Tai Yuen, *Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, hlm.46-47.

<sup>5</sup> Pajakan turut dibuat terhadap arak dan aktiviti seperti pelacuran, perjudian dan penggadaian

<sup>6</sup> Ooi Keat Gin, *Historical Dictionary of Malaysia, Histories Dictionaries of Asia, Oceania and the Middle East*, USA: The Scarecrow Press Inc., 2009, hlm.274.

<sup>7</sup> Annual Report, Trade and Custom Department, 1912, hlm.22.

<sup>8</sup> Jumlah ini hanya berdasarkan negeri Perak, Selangor, dan Negri Sembilan. Hasil cанду Pahang dimasukkan ke dalam General Farm yang tidak diketahui akan jumlahnya. Trade and Custom Department, Annual Report, 1912, hlm.22.

<sup>9</sup> Annual Chandu Report on the Monopoly for 1911, dalam Fail Selangor Secretariat, Sel.Sec. 14/1911, Annual Chandu Report on the Monopoly for 1911.

<sup>10</sup> Kadar keuntungan melalui Dasar Monopoli Candu lebih tinggi, jika dibandingkan dengan duti import ke atas candu mentah yang dilaksanakan sebelum tahun 1911. Ini jelas dapat dilihat dengan meneliti sebuah negeri sahaja, iaitu Selangor untuk membandingkan perbezaan antara dua sistem. Pada tahun 1909, duti import ke atas candu berjumlah \$ 1,091,320 dan \$ 722,025 (tidak termasuk kawasan pesisiran yang mana duti eksaisnya berjumlah \$ 369,010). R.F.R. Swettenham menjelaskan setahil candu mentah dijual pada kadar \$ 1.28 membawa perbezaan sebanyak \$ 2.32 dibandingkan dengan kadar \$ 4.20 setahil. Annual Chandu Report on the Monopoly for 1911, ms.6, dalam Fail Selangor Secretariat, Sel.Sec. 14/1911, Annual Chandu Report on the Monopoly for 1911

<sup>11</sup> Perak, Annual Report, 1912, hlm.11.

<sup>12</sup> Chandu Monopoly Department, Annual Report, 1912, hlm.4

<sup>13</sup> Jumlah kutipan hasil bagi timah, \$ 10,834,276 dan lesen perjudian, \$ 2,428,325 membawa jumlah keseluruhan sebanyak \$ 21,475,325. FMS, Annual Report, 1912, hlm. 1.

<sup>14</sup> FMS, Annual Report, 1913, hlm. 6.

<sup>15</sup> Chandu Monopoly Department, Annual Report, 1913, hlm.2.

<sup>16</sup> Pada awal 1913, lebihan dana NNMB berjumlah \$ 64,194,846. Namun semasa 1913, berlaku defisit hasil pendapatan, berbanding perbelanjaan sebanyak \$ 2,954,869. Pada awal dianggarkan \$ 39,750,000. Selepas itu, anggaran semakan \$ 35,505,000. Di samping pengurangan kadar import candu, pengurangan import juga dilaksanakan ke atas barang import lain seperti tekstil, \$ 500,000; beras, \$ 1,000,000 juta, ternakan lembu, \$ 500,000 dan alkohol \$ 100,000. Namun ada peningkatan kadar import untuk bahan keretapi, \$ 2,000,000 dan perkakasan, \$ 500,000. Shorthand, 3 November 1914, ms. B.5-8, dalam FMS, FCP 1914.

<sup>17</sup> Melalui Perjanjian London, 1839, Britain berjanji bahawa akan mempertahankan Belgium daripada kuasa Eropah lain. Kerajaan Britain sedar kedudukan pelabuhan Belgium, berdekatan dengan pesisiran Britain menyebabkan Britain mudah diserang oleh pihak musuh. Apabila Jerman meminta Britain membenarkan tenteranya menyeberangi Belgium untuk menyerang Perancis, pihak Britain menolak bulat-bulat. Ekoran itu, Jerman meneruskan rancangannya. Pada 4 Ogos, 1914, Britain mengistytiharkan perang ke atas Jerman. Martin Horn, *Britain, France, and the Financing of the First World War*, Canada: McGill-Queen's University Press, 2002, hlm.7-28.

<sup>18</sup> FMS, Annual Report, 1916, hlm. 7.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Selangor, Annual Report, 1916, hlm.11.

<sup>21</sup> FMS, Annual Report, 1916, hlm.7.

<sup>22</sup> FMS, Annual Report, 1917, hlm. 3

<sup>23</sup> Perak, Annual Report, 1919, hlm.2

<sup>24</sup> Selangor, Annual Report, 1919, hlm.15

<sup>25</sup> Sebelum Dasar Monopoli Kerajaan diperkenalkan, candu mentah diproses di kilang yang terletak di Pulau Pinang. Kilang tersebut kemudiannya ditutup pada bulan April 1910.

<sup>26</sup> Perak, Annual Report, 1915, hlm.2.

<sup>27</sup> Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 4267/1911, Proposed Rule, Under Opium & Chandu Enactment, for providing photos of licence holders.

<sup>28</sup> Federated Malay States, Enactment of No.15 of 1925, ms.4, dalam Fail Selangor Secretariat, Sel.Sec.2344/1926, Amendment of the Opium & Chandu Enactment, 1910.

<sup>29</sup> Permit tersebut menunjukkan jumlah yang boleh dibeli seseorang dalam tempoh sebulan. Pada tahun 1923, sejumlah 70 permit dikeluarkan untuk tujuan tersebut. Jumlah permit untuk membeli candu yang dikeluarkan

pada tahun 1923 ialah sebanyak 70 dengan kaum Melayu, 44 permit dengan 32 lelaki dan 12 wanita di Perak; kaum Sikh yang kesemuanya lelaki, 22 permit, di Selangor (11), Negri Sembilan (7), Pahang (3) dan seorang wanita Siam di Perak dan 3 lelaki India, Perak (1) dan Pahang (2). Bukti yang diberikan oleh R.F.R. Swettenham, dalam Appendix XXV, ms. B28, dalam BMOC, Volume II.

<sup>30</sup> Kadar tersebut hampir sama dengan kadar jualan candu yang diperolehi pada tahun 1911.

<sup>31</sup> FMS, Annual Report, 1912, hlm. 5.

<sup>32</sup> Shorthand, 26 November 1913, ms.B 78, dalam FMS, PFC 1913.

<sup>33</sup> Selangor, Annual Report, Selangor, 1916, hlm.11.

<sup>34</sup> Negri Sembilan, Annual Report, 1916, hlm.20.

<sup>35</sup> Selangor, Annual Report, 1919, hlm.15.

<sup>36</sup> Di bawah Seksyen 24, pengecualian dibuat bagi candu, sama ada diimport, diproses atau dijual atas tujuan perubatan. Pengecualian juga dibuat terhadap candu yang disimpan di dalam peti ubat dalam kuantiti berpatut dalam kapal di pelabuhan, dan atau mana-mana candu yang dilaporkan oleh kapten kapal bersaiz lebih daripada 100 tan *burthen*, dengan syarat disimpan cermat dan dikawal sepenuhnya selama kapal tersebut berada di pelabuhan serta mana-mana peti atau bungkusan candu ditunjukkan dalam inventori kapal dan diisyiharkan pada pegawai kastam sebaik sahaja di pelabuhan.

<sup>37</sup> Enactment No.14 of 1910, An Enactment to prohibit the importation of Opium and to vest in the Government the sole right of import and dealing in Chandu, dalam Federated Malay States, Enactments Passed During The Year 1910 And Rules Thereunder Together With Rules, Etc. Under Enactments Passed Prior To 1910, Kuala Lumpur: FMS Government Press, 1910, hlm.92.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Ibid., hlm.93.

<sup>40</sup> Di bawah Seksyen 14 (ii): Kegiatan mencandu di tempat larangan yang termaktub dalam sub seksyen (i), sekiranya dilakukan, maka dengan ketiadaan bukti kukuh, pihak yang mempunyai kawalan pengurusan terhadap tempat tersebut dianggap telah memberikan kebenaran untuk mencandu.

<sup>41</sup> Ibid., hlm.94.

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> Federated Malay States, Enactment No.9 of 1916, dalam Fail Selangor Secretariat 5713, Opium and Chandu Enactment, 1910, Amendment Enactment, 1916.

<sup>44</sup> Federated Malay States, Enactment of No.15 of 1925, ms.15, dalam Fail Selangor Secretariat, Sel. Sec.2344/1926, Amendment of the Opium & Chandu Enactment, 1910.

<sup>45</sup> Satu lagi peruntukan yang tidak membabitkan pemberian kuasa khas di bawah peruntukan ini ialah (iv) Setiap pihak yang ditangkap di bawah peruntukan ini perlu dibawa ke balai polis dengan kadar segera dan disabitkan dengan kesalahan. Enactment No.14 of 1910, An Enactment to prohibit the importation of Opium and to vest in the Government the sole right of import and dealing in Chandu, dalam Federated Malay States, Enactments Passed During The Year 1910 And Rules Thereunder Together With Rules, Etc. Under Enactments Passed Prior To 1910, Kuala Lumpur: FMS Government Press, 1910, hlm. 94-95.

<sup>46</sup> *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* (Weekly), 14 December 1922, ms.2; *The Straits Times*, 19 May 1923, hlm.8.

<sup>47</sup> Sistem Catuan Candu 1920 tersebut juga tidak berjaya di NNS. Skim tersebut dibatalkan di NNS selepas NNMB mengambil keputusan untuk menghentikan pelaksanaan sistem tersebut. Annual Report of Chandu Monopoly, 1920, hlm.5.

## Rujukan

Annual Report, Chandu Monopoly Department, 1911, 1913, 1922, 1923 dan 1924.

Annual Report, Trade and Custom Department, 1912

Annual Report, Perak 1912, 1919

Annual Report, Selangor, 1916, 1919

Auditor's Annual Report, Straits Settlement and Federated Malay States 1934-1940

Fail Selangor Secretariat, 2204/1920, Opium Revenue Replacement Reserve Fund, Investment of the \$ 10,000,000 nucleuses and the 1926 contribution of \$ 2,100,000.

Fail Selangor Secretariat, Sel.Sec.G., 1967/1929 Federal Council Paper No.32 of 1929, Correspondence with the Colonial Office on the subject of the Opium Reserve Replacement Fund.

Fail Selangor Secretariat, Sel.Sec. 14/1911, Annual Chandu Report on the Monopoly for 1911.

Federated Malay States, Annual Report, 1915-1917, 1925-1933, 1911-1935

Federated Malay States, Federal Council Proceedings, 1914, 29, 30, 31, 32, 1935, 1936, 1937.

Harrison, C.W. 1910. *An Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London: 1910.

Horn, Martin, 2002. *Britain, France, and the Financing of the First World War*, Canada: McGill-Queen's University Press.

*Malaya Tribune*, 1930-1931, 1940

Ong Teck Hong dan R.E. Isralowitz, 1996. *Substance Use in Singapore: Illegal Drugs, Inhalants and Alcohol*, Singapore: Toppan Company.

Ooi Keat Gin, 2009. *Historical Dictionary of Malaysia, Histories Dictionaries of Asia, Oceania and the Middle East*. USA: The Scarecrow Press Inc.

*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* (Weekly), 14 December 1922

*The Straits Times*, *The Straits Times*, 19 May 1923,

William Tai Yuen, 2013. *Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.